"The PIL is not a long term solution to our traffic problems. To spend RM8bil for this road is a colossal waste of public resources," said SAM president S.M. Mohamed Idris in a statement.

He demanded that the government release the 56 conditions imposed by the DOE.

LAMPIRAN 11
THE SUN DAILY (NEWS WITHOUT BORDERS): MUKA SURAT 5
TARIKH: 16 APRIL 2019 (SELASA)

Penang gets nod for Pan Island Link 1

➤ Approval comes with 56 DoE conditions

BY IAN MCINTYRE
newsdesk@thesundaily.com

GEORGE TOWN: The Department of Environment (DoE) has given Penang's Pan Island Link 1 (PIL1) the all clear, paving the way for work on the project to commence.

However, the approval came with 56 conditions attached, according to Chief Minister Chow Kon Yeow, who made the announcement yesterday.

Work on the project is scheduled to begin next year. However, in an immediate reaction, the Consumers Association of Penang (CAP) and Sahabat Alam Malaysia (SAM) expressed dismay over the approval. S.M. Mohamed Idris, who heads both groups, said it was "shocking" that the DoE had given the go ahead despite the concerns expressed by various quarters in Penang.

The PIL1 is a six-lane highway linking Gurney Drive to the Tun Dr Lim Chong Eu Expressway. It will pass through several towns, among them Paya Terubong and Relau, before terminating at the Tun Dr Lim Chong Eu Interchange near the Penang Bridge.

The new highway, designed to serve as an alternative route to Tun Dr Lim Chong Eu Expressway, is expected to cost RM7 billion. It is part of the RM27 billion Penang Transport Masterplan project.

Idris argued that the PIL1 was not a long-term solution to Penang's traffic woes. "The proponents claim



Chow shows the plan of the link at a press conference in Komtar yesterday. - BBX PRESS

that there will be a dramatic reduction in travel time but then ignore their own analysis that states that the full capacity will be reached as early as 2030," he said. At RM7 billion, he added, it was also a waste of public resources.

He said the environmental impact assessment (EIA) also erroneously

stated that the project would not affect any heritage structures.

He pointed out that the Por Tay Buddhist School, St Nicholas Home, Penang Chinese Girls' High School, Shree Muniswarar Temple, the iconic Penang Hill Railway, Kek Lok Si Temple and the Air Itam Dam, all of which were more than 50-years-old

and had cultural and historical significance, would be adversely affected.

Idris said a six-lane highway would "become an eyesore, have an adverse impact on parks and forests and ruin the island's charm".

Another major critic of the project is Penang Forum member, Dr Lim

Mah Hui. Lim wants the chief minister to convince him on three aspects of the PIL1.

"I want Chow to confirm that the new highway can meet the traffic demand for just five to seven years after completion. Then, he needs to tell us if there was an open tender for the project. Finally, the state has to be transparent about the 56 conditions," he said.

Chow declined to say what those conditions were when he announced that the EIA had been approved.

"(To us), it is nothing more than the Penang Outer Ring Road (PORR) project that Chow was opposed to in 1998 and was subsequently dropped," Lim said.

The international consultant Halcrow had said the PORR could help to ease traffic congestion for only five to seven years.

Lim also wanted Chow to reveal how the project would be financed. "If the state reclaimed land for sale to finance the project, what would the impact be on the value of real estate in Penang if the present overhang in the property market is not addressed within the next six years?" he asked.

He added that failure to address all the concerns would prove disastrous for Penang.

However, civil society group Anak Pinang has come out in support of the state government. Spokesman for the group, Timothy Tye said that by engaging the people, the state had shown that it was keeping its pledge to seek all approvals before launching the project.

"The lengthy approval process reflects the thoroughness of the state's effort to take into account the concerns raised at various public fora," he added.

LAMPIRAN 12
CHINA PRESS (NATION): MUKA SURAT 4
TARIKH: 16 APRIL 2019 (SELASA)

賽維爾 設立跨部門委會 應對棕油受抵制



■賽維爾（右）參觀沙巴公園在州級生物安全醒覺講座所設的展覽攤位。

（吉隆坡15日訊）水源、土地及天然資源部長賽維爾指出，該部已和外交部、原產業部和能源、科技、科學、氣候變化與環境部成立一個跨部門委員會，以應對歐美國家抵制我國棕油產品的问题。

他指出，該委員會將會研究有關氣候及歐美國家抵制棕油產品的问题，進而改變人們對棕油產品的負面看法。

他於今日出席沙巴州級生物安全醒覺講座開幕禮上，如是指出。

“由於一些人士和團體的散播，再加上涉及森林砍伐問題，讓人誤以

為棕油產品對健康不好。

同時，他指出，全國有50家機構向國家生物安全局登記並成立生物安全制度委員會（IBC），沙巴只占了2家。

鼓勵設生物安全制委會

因此該局鼓勵，沙巴的研究機構、生物科技公司、公立和私立大學成立生物安全制度委員會，以研究基因改造活體（LMO）或基因改造生物（GMO）。

他透露，沙巴大學已和大馬可可局成立該委員會，前者共有4項涉及基

因改造活體項目獲國家生物安全局批准進行。

他指出，據2007年生物安全法令，只有被批准的基因改造活體可以在我國存在，而生物安全局負責監管這類物品的進出口和使用情況。

他透露，截至去年，該局共接到241個有關基因改造活體使用的申請，其中217個獲批准。

他指出，該局2年前成立一個委員會，以監管我國關卡及市面上的基因改造活體和基因改造生物的流動情況，該局將於今年第3季為沙巴農業局的執法人員提供培訓。

LAMPIRAN 13
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 36
TARIKH: 16 APRIL 2019 (SELASA)

Gerogetown

Enggan dengar suara orang awam

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dan Sahabat Alam Malaysia (SAM) kesal dengan keengganan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mendengar suara sebahagian besar orang awam negeri ini meskipun Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) bagi pembinaan Pan-Island Link 1 (PIL 1) sudah dikaji.

Juga dikesalkan apabila Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga sudah meluluskan EIA meskipun orang ramai sudah memberi maklum balas dan komen.

Presidennya, SM Mohamed Idris berkata, pembinaan PIL 1 bukan penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi masalah lalu lintas di negeri ini.

Katanya, laporan EIA didakwa mengabaikan analisis trafik itu sendiri malah membelanjakan RM8 bilion bagi projek berkenaan adalah pembaziran sumber awam yang besar.

“Mereka tidak ada langkah bagi membincangkan mengenai sifat atau perubahan bentuk bahagian pulau dengan keadaan lebuh raya yang tinggi dan sudah tentu ia akan tampak jelek.

“Kami adalah sebahagian daripada ribuan orang awam dan kumpulan menyuarakan keprihatinan terhadap EIA berikutan mempunyai banyak kelemahan,” katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

LAMPIRAN 14
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT 23
TARIKH: 16 APRIL 2019 (SELASA)

PETRONAS ambil alih 100 peratus kepentingan M+

PETRONAS memulakan penerokaan antarabangsa dalam tenaga boleh diperbaharui apabila mengambil alih Amplus Energy Solutions, yang juga dikenali sebagai M+.

Syarikat minyak dan gas (O&G) itu semalam mengumumkan bahawa ia telah menandatangani satu perjanjian dengan Squared Capital, pelabur infrastruktur global yang terkemuka, untuk mengambil alih 100 peratus kepentingan dalam M+.

PETRONAS dalam satu kenyataan berkata pengambilalihan M+, sebuah syarikat Singapura dengan portfolio aset-aset yang boleh diperbaharui di Asia, dijangka selesai pada bulan ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin berkata, pe-

ngambilalihan itu mencerminkan matlamat strategik PETRONAS bagi berkembang dalam bidang tenaga yang boleh diperbaharui sebagai sebahagian daripada strategi untuk keluar daripada O&G ke dalam perniagaan tenaga boleh diperbaharui.

Ini juga melambangkan usaha solar antarabangsa pertama kami dan kami berharap dapat menyediakan penyelesaian tenaga kepada pelanggan kami dalam pasaran tenaga yang merekodkan pertumbuhan yang tinggi ini," katanya.

M+ berkembang lebih 400 peratus setahun

Mengulas mengenai urusan niaga itu, rakan kongsi pengasas I Squared Capital, Gautam Bhandari berkata M+ telah berkembang lebih da-



Wan Zulkiflee Wan Ariffin

ri pada 400 peratus setahun untuk menjadi sebuah syarikat bertaraf dunia yang memberi perkhidmatan kepada korporat-korporat Asia bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau mereka dan **mempromosi perubahan iklim.**

Lebih mesra alam

"Kami percaya bahawa M+ akan terus memainkan peranan sebagai peneraju dalam membina masa depan yang lebih mesra alam, terima kasih kepada pasukan pengurusan cemerlang, dan berharap mereka dan Petronas meraih pencapaian yang terbaik dalam usaha mereka pada masa depan," katanya.

Ditubuhkan pada 2013, M+ agak terkenal di kalangan pelanggan komersial dan perindustrian, dengan pengkhususan dalam penyelesaian secara menyeluruh bagi projek-

projek tenaga solar yang dipasang di permukaan tanah serta yang di bumbung.

Dengan kapasiti terkumpul sebanyak lebih daripada 500 megawatt di bawah pembangunan dan operasi, M+ memberikan khidmat kepada lebih daripada 150 pelanggan komersial dan perindustrian di lebih 200 lokasi merentasi India, Timur Tengah dan Asia Tenggara.

PETRONAS juga sedang melaksanakan beberapa inisiatif tenaga bersih di Malaysia.

Baru-baru ini, ia mengumumkan satu usaha sama dengan UiTM Holdings Sdn Bhd, cabang pelaburan Universiti Teknologi MARA, untuk bersama-sama membangunkan loji fotovoltaiik solar serta pengoptimuman tenaga di kampus dan projek solar di atas bumbung.

BERNAMA

LAMPIRAN 15
KOSMO (NIAGA): MUKA SURAT 45
TARIKH: 16 APRIL 2019 (SELASA)

Petronas teroka tenaga hijau

KUALA LUMPUR – Petrolia Nasional Bhd. (Petronas) memulakan penerokaan antarabangsa dalam tenaga boleh diperbaharui (RE) menerusi pengambilalihan Amplus Energy Solutions, yang juga dikenali sebagai M+.

Syarikat minyak dan gas (O&G) itu mengumumkan semalam bahawa ia telah menandatangani satu perjanjian dengan I Squared Capital, pelabur infrastruktur global yang terkemuka untuk mengambil alih 100 peratus kepentingan dalam M+.

Petronas dalam satu kenyataan berkata, pengambilalihan M+, syarikat Singapura dengan portfolio aset tenaga yang boleh diperbaharui di Asia itu dijangka selesai bulan ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Petronas, Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin berkata, pengambilalihan itu mencerminkan syarikat untuk berkembang dalam bidang RE

sebagai sebahagian daripada strategi untuk keluar melampaui bidang O&G kepada perniagaan tenaga baharu.



WAN ZULKIFLEE

“Ini juga mewakili usaha solar antarabangsa pertama syarikat dan kami berharap dapat menyediakan penyelesaian tenaga kepada pelanggan kami dalam pasaran tenaga baharu yang merekodkan pertumbuhan tinggi,” katanya.

Mengulas mengenai urus niaga itu, rakan

kongsi pengasas I Squared Capital, Gautam Bhandari berkata, M+ telah berkembang lebih daripada 400 peratus setahun untuk menjadi sebuah syarikat bertaraf dunia yang memberi perkhidmatan kepada korporat-korporat Asia bagi mengurangkan *pelepasan gas rumah hijau mereka dan memerangi perubahan iklim.

“Kami percaya bahawa M+ akan terus memainkan peranan sebagai penasihat dalam membina masa depan yang lebih mesra alam dengan pasukan pengurusan yang cemerlang. Kami meng-

harapkan mereka dan Petronas akan meraih pencapaian terbaik dalam usaha mereka pada masa depan,” katanya.

Ditubuhkan pada 2013, M+ terkenal dalam kalangan pelanggan komersial dan perindustrian dengan pengkhususan dalam penyelesaian secara menyeluruh bagi projek-projek tenaga solar yang dipasang pada permukaan tanah selain di bumbung.

Dengan kapasiti terkumpul sebanyak lebih daripada 500 megawatt di bawah pembangunan dan operasi, M+ memberikan khidmat kepada lebih dari-

pada 150 pelanggan komersial dan perindustrian di lebih 200 lokasi merentasi India, Timur Tengah dan Asia Tenggara.

Petronas juga sedang melaksanakan beberapa inisiatif tenaga bersih di Malaysia.

Baru-baru ini, ia mengumumkan satu usaha sama dengan UiTM Holdings Sdn. Bhd., iaitu cabang pelaburan Universiti Teknologi Mara untuk bersama-sama membangunkan loji fotovoltaik solar, langkah mengoptimumkan tenaga di kampus dan projek solar di atas bumbung. – Bernama

LAMPIRAN 16
BERITA HARIAN (SENTRAL): MUKA SURAT 63
TARIKH: 16 APRIL 2019 (SELASA)

PROJEK TALIAN PENGHANTARAN ELEKTRIK

Penduduk desak TNB tukar laluan

➔ Cadangan projek babitkan kawasan kediaman, kebun

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

✦ Tanjung Karang

Pemilik 255 lot tanah di daerah Kuala Selangor dan Tanjung Karang mendesak supaya laluan projek talian penghantaran elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) dari pencawang masuk utama (PMU) Sungai Manik ke PMU Kuala Selangor ditukar.

Ia berikutan laluan dicadangkan TNB bagi projek itu melalui tanah milik penduduk berkenaan yang antara lain membabitkan kawasan kediaman dan kebun.

Seorang daripada pemilik tanah terbabit yang juga peguam, Mohaji Selamat, berkata pengambilan tanah untuk projek itu membabitkan daerah Kuala Selangor, Tanjung Karang, Sungai Besar dan Sabak Bernam.

"Pengambilan tanah berkenaan masih pada peringkat cadangan. Surat dikeluarkan pada Oktober tahun lalu dan penduduk ada tem-



[FOTO NORZAMIRA CHE NOH/BH]

Penduduk pada sesi dialog mengenai projek talian penghantaran elektrik TNB dari PMU Sungai Manik ke PMU Kuala Selangor di Pusat Khidmat Homestay Sungai Sireh, Tanjung Karang, baru-baru ini.

poh 12 bulan membantah cadangan itu.

"Pada Februari lalu, kami menghantar memorandum berserta cadangan laluan baharu yang tidak perlu melalui tanah milik penduduk, kepada Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor, Pejabat Menteri Besar, TNB dan beberapa pihak berkaitan.

"Bagaimanapun hingga kini, masih belum mendapat maklum balas daripada mereka," katanya ketika ditemui pada sesi dialog di Pusat Khidmat Homestay Sungai Sireh, di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir pada sesi dialog

itu ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Burong, Datuk Mohd Shamsudin Lias.

Tanah rizab Melayu

Mohaji berkata, tanah di kampung terbabit adalah rizab Melayu yang rata-rata penduduk mewarisinya daripada ibu bapa mereka.

Katanya, mereka jelaskan bahawa projek itu adalah projek rakyat dan bukan membantah sebab mementingkan diri.

Sebaliknya, beliau berkata, bantahan dibuat kerana ada jalan alternatif yang boleh digunakan, selain melalui tanah milik pen-

duduk kampung terbabit.

"Kami mencadangkan hutan simpan bersebelahan dijadikan laluan projek berkenaan dan mengikut Seksyen 11 Akta 313 (Akta Perhutanan Negara 1984), kerajaan negeri boleh mengeluarkan rizab hutan simpan untuk tujuan pembangunan," katanya.


Mohd Shamsudin pula berpendirian sekiranya kes terbabit dibawa ke mahkamah, agak sukar untuk penduduk menang kerana projek berkenaan dilakukan untuk kepentingan awam dan bukan individu.

"Penduduk boleh membantah,

tetapi harus bersepadu dan sepatutnya. Jika boleh, dapatkan maklumat lengkap penduduk kampung lain yang ingin membantah cadangan laluan itu bagi meyakinkan pihak kerajaan negeri serta TNB," katanya.

Sementara itu pada perkembangan terbaru, Mohaji berkata, Jawatankuasa Bantahan Projek TNB Mukim Tanjung Karang sudah menyerahkan memorandum baharu, semalam, supaya Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor mempertimbangkan pengambilan rizab hutan simpan untuk menggantikan laluan projek berkenaan.

LAMPIRAN 17
KOSMO (K2): MUKA SURAT 19
TARIKH: 16 APRIL 2019 (SELASA)



LAMPIRAN 17 (SAMB.)
KOSMO (K2): MUKA SURAT 20
TARIKH: 16 APRIL 2019 (SELASA)

RENCANA
UTAMA

TENAGA solar yang dijana akan
disambungkan terus ke grid elektrik.

Ladang solar paling cekap di dunia

Gading Kencana Development Sdn. Bhd. mengusahakan ladang solar di Bidor, Perak dan Ayer Keroh, Melaka yang mampu menjana hampir 54 juta kilowatt jam setahun.

PROJEK Solar Photovoltaic Berskala Besar (LSSPV) 30 megawatt (MW) di Bidor, Perak telah mengubah landscape pekan itu yang dahulunya merupakan kawasan bijih timah.

Loji janakuasa solar berkeluasan 50 hektar yang beroperasi di Kampung Pasir, Jalan Teluk Intan, Bidor sejak Oktober tahun lalu itu telah diusahakan oleh Gading Kencana Development Sdn. Bhd. (GKDSB).

GKDSB merupakan sebuah syarikat milik bumiputera sepenuhnya dan mempunyai pengalaman lebih dua dekad dalam industri pembekalan tenaga solar di negara ini.

LSSPV adalah projek terbesar syarikat tersebut selain mempunyai satu lagi ladang solar di Ayer Keroh, Melaka dengan keluasan tujuh hektar.

Projek di Ayer Keroh itu merupakan ladang paling cekap di dunia yang mampu mengeluarkan 1MW dalam setiap 0.61 hektar berbanding piawai dunia 1MW dalam setiap 2.02 hektar.

Bercerita lanjut mengenai perusahaan tenaga solar itu, **Pengarah Urusan GKDSB, Datuk Ir. Guntor Tobeng** berkata, projek ladang solar pertama yang diusahakan oleh syarikat tersebut ialah di Ayer Keroh pada tahun 2014 dengan pelaburan berjumlah

RM84 juta yang mampu menjana 10 juta kilowatt jam (kWh) setahun.

"Pengalaman (GKDSB) membangunkan projek ladang solar di Ayer Keroh telah membolehkan syarikat tersebut berjaya dalam bidaan LSSPV di Bidor, Perak.

"Kami menjadi satu-satunya syarikat bumiputera individu yang terpilih dalam senarai bidaan tersebut," katanya ketika ditemui K2 di Wisma Gading, Seksyen 13, Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Terangnya, LSSPV itu akan menghasilkan 53,651,000 kilowatt jam (kWh) setahun dan menjimatkan 800,000 tan pelepasan karbon.

Duit simpanan

Ladang tersebut menggunakan sebanyak 110,500 keping solar modul buatan Malaysia dan mewujudkan sekitar 304 peluang pekerjaan kepada anak tempatan.

"Kapasiti ladang solar sebanyak 30MW setahun akan menjimatkan 800,000 tan pelepasan karbon.

"Sehubungan itu, pembinaan tersebut juga adalah sejajar dengan hasrat negara untuk mencapai sasaran 2,080MW pembangunan tenaga boleh diperbaharui (RE) menjelang 2020 di bawah Dasar



WISMA Gading terletak di Seksyen 13, Shah Alam, Selangor.

Tenaga Boleh Diperbaharui dan Pelan Tindakan," ujar anak kelahiran Alor Setar, Kedah itu.

Mengimbau kembali awal penubuhan GKDSB, beliau menggunakan duit simpanannya dan isteri, Datin Hasnah Awang sebanyak RM2,000 untuk menubuhkan syarikat tersebut pada tahun 1998.

"Ketika itu Malaysia mengalami kegawatan ekonomi maka, sukar untuk kami mendapatkan pinjaman bank.

"Saya turut menjual rumah berharga RM280,000 dan menggunakan kad kredit berjumlah RM50,000 untuk mengembangkan perniagaan," tutur anak sulung daripada lima beradik itu.

Tambahnya, beliau menggunakan pengalaman selama 10 tahun sebagai pengurus pemasaran di sebuah syarikat elektronik untuk menjalankan perniagaan solar.

Beliau memilih perniagaan solar kerana

PARA
pekerja
memasang
peralatan
voltan
tinggi.



GUNTOR

LADANG Solar Gading Kencana ini
terletak di Bidor, Perak.



LAMPIRAN 17 (SAMB.) KOSMO (K2): MUKA SURAT 21 TARIKH: 16 APRIL 2019 (SELASA)

ingin mencari kelainan memandangkan ia masih baharu dan ramai tidak tahu. Produk pertama yang dijual oleh syarikat tersebut ialah lampu solar taman tetapi setahun kemudian ia mendapat saingan hebat daripada China yang menawarkan harga lebih rendah.

Produk baharu

Tidak mahu mengalah, Guntor telah mengambil langkah seterusnya dengan memperkenalkan produk baharu iaitu lampu solar jalan dan seterusnya solar hibrid di sekolah luar bandar.

"Sekitar tahun 2011 kerajaan membuka Feed-in Tariff iaitu mekanisme polisi yang direka untuk mempercepatkan pelaburan dalam tenaga boleh diperbaharui.

"Syukur saya berjaya dalam permohonan tersebut dan memulakan projek ladang solar pertama di Melaka," tutur bapa kepada tiga orang cahaya mata itu.

Kejayaan projek di Melaka membuka lembaran baharu buat GKDSB apabila mendapat lesen untuk membuka ladang solar berskala besar di Bidor.

Guntor memberitahu, Bidor dipilih untuk projek berskala besar itu kerana pencahayaannya lebih baik begitu juga pengudaraan angin yang membantu menjana lebih banyak tenaga solar.

Loji itu juga melakar sejarah kejuruannya di negara ini kerana buat pertama kalinya telah berjaya menyambungkan tenaga elektrik ke 132KV grid kebangsaan.

Tenaga solar GKDSB dijual kepada Tenaga Nasional Bhd., (TNB), syarikat korporat dan tidak ketinggalan dieksport ke Arab Saudi serta Kemboja.

Beliau merakamkan ribuan terima kasih atas sokongan daripada agensi kerajaan seperti Unit Peraju Agenda Bumiputera, Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd., SME Corp., Majlis Amanah Rakyat (Mara), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad dan SME Bank yang banyak membantu syarikat tersebut dalam projek ladang solar.

Sehubungan itu, tidak hairanlah GKDSB menerima beberapa penghargaan seperti Anugerah Tenaga ASEAN buat kali kedua pada tahun 2018 dan Tokoh Anugerah Usahawan Mara 2017.



RENCANA UTAMA

GUNTOR (kanan) sentiasa berbincang dengan kakitangannya untuk meningkatkan prestasi syarikat.

Sementara itu, Pengurus LSSPV di Bidor, Nurul Hidayah Mohamad Sahudi, 27, berkata, seramai 15 orang staf bertugas di ladang tersebut yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu penyelenggaraan ladang solar dan sistem elektrik.

Rondaan

"Kami akan melakukan rondaan dua hari sekali di kawasan ladang bagi memastikan tidak berlaku sebarang kerosakan dan semuanya sistem berjalan dengan lancar.

"Tanah di kawasan Bidor sangat subur dan rumput cepat tumbuh panjang maka, kami akan memastikan rumput sentiasa dipotong rapi kerana ia akan mengganggu sistem serta penyerapan tenaga solar," terangnya yang berasal dari Hutan Melintang, Perak.

Ujarnya lagi, panel solar tahan lasak dan tidak perlu ditukar dengan kerap.

Begitu juga dengan pembersihan panel yang akan dibuat mengikut kondisinya sekiranya terdapat najis burung atau debu. Nurul Hidayah memberitahu, waktu hujan mengganggu sedikit operasi di ladang itu kerana hanya mampu menjana sekitar 120,000 hingga 130,000 kWh sehari berbanding hari biasa sekitar 160,000 kWh.

Penjanaan tenaga matahari sangat

kritikal ketika jerebu dan gerhana matahari.

Dalam pada itu, penyelia ladang solar di Ayer Keroh, Melaka, Mohd. Zaid Abd. Aziz, 32, berkongsi pengalaman ketika kejadian jerebu sekitar tahun 2016.

"Ketika itu penjanaan solar telah menurun sebanyak 20 hingga 25 peratus dan berlanjutan selama seminggu.

"Kami tidak mampu berbuat apa-apa dan hanya mampu menunggu jerebu tersebut kembali pulih," cerita bapa kepada tiga orang cahaya mata itu.

Mengulas lanjut mengenai pengoperasian di ladang tersebut, Mohd. Zaid berkata, dia dibantu oleh empat orang staf terdiri daripada jurutera, pekerja am dan juruteknik.

"Di ladang ini sebanyak 29,092 keping solar dipasang dan kami bertanggungjawab untuk memastikan sistem berfungsi dengan baik begitu juga keadaan sekitar panel.

"Jika di kawasan industri yang berdebu maka, pembersihan panel itu perlu dilakukan dengan lebih kerap tetapi ladang di Ayer Keroh berada jauh daripada kawasan industri," ulasnya yang berasal dari Bera, Pahang.

Kesemua solar yang dijana oleh panel itu akan disalurkan terus ke pencawang TNB yang terdekat.



NURUL HIDAYAH



MOHD. ZAID

INFO Ladang Solar

- Diusahakan oleh Gading Kencana Development Soln. Bhd.
- Terletak di Bidor, Perak dan Ayer Keroh, Melaka
- Projek Solar Photovoltaic Berskala Besar dijalankan di Bidor dengan keluasan 50 hektar
- Projek di Ayer Keroh merupakan ladang paling cepap di dunia yang mampu mengeluarkan 1MW dalam setiap 0.61 hektar berbanding pialawan dunia 1MW dalam setiap 2.02 hektar.
- Tenaga solar GKDSB dijual kepada Tenaga Nasional Bhd., syarikat korporat dan dieksport ke Arab Saudi serta Kemboja

Tenaga solar ganti bahan api fosil

KEDUDUKAN Malaysia di kawasan khatulistiwa yang menerima cahaya matahari hampir sepanjang tahun memberi kelebihan dalam menjana tenaga solar.

Tenaga solar itu dapat menghasilkan elektrik yang berkualiti sama seperti arang batu dan gas tetapi ia tidak membebaskan pencemaran serta lebih mesra alam.

Menurut Pensyarah di Institut Tenaga Lestari, Universiti Tenaga Nasional, Dr. Ahmad Wafi Mahmood Zuhdi, tenaga boleh

diperbaharui seperti sinar matahari, angin, hujan, pasang surut dan geoterna yang boleh diganti secara semula jadi sangat penting untuk menggantikan bahan api fosil.

"Sabam hari tenaga daripada bahan api fosil semakin berkurangan apatah lagi ia memerlukan masa ratusan tahun untuk terbentuk.

"Sehubungan itu, penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui



AHMAD WAFI

semakin mendapat tempat bagi memberi penyelesaian kepada krisis tenaga pada masa akan datang," katanya ketika dihubungi K2 baru-baru ini.

Ujarnya, lima tahun dahulu kos penghasilan tenaga solar sangat mahal tetapi kini ia sudah setara dengan arang batu dan gas.

"Negara kita juga telah mengorak langkah ke hadapan dalam memperluaskan teknologi

dan penggunaan tenaga solar dalam usaha mengurangkan ketergantungan kepada tenaga fosil.

"Kerajaan turut memperkenalkan inisiatif-inisiatif penting untuk mencapai hasrat tersebut," terangnya.

Di samping itu, Malaysia turut tersenarai sebagai salah sebuah negara pengeluar panel solar terbesar dunia.

Namun, tidak dinafikan kita masih lagi bergantung kepada sumber bahan api fosil untuk menjana elektrik.

LAMPIRAN 18
SINAR HARIAN (ADUAN): MUKA SURAT 50
TARIKH: 16 APRIL 2019 (SELASA)

memegang akhbar Sinar Harian menggunakan aplikasi

SURAT PEMBACA



Impak bencana alam di Amerika Syarikat

■ Seperti yang diketahui umum, bencana alam semula jadi adalah suatu kejadian yang berlaku secara tiba-tiba.

Menurut Emergency Events Database (EM-DAT) mendefinisikan bahawa di mana sesuatu situasi atau kejadian peristiwa yang melampaui kapasiti tempatan, memerlukan permintaan bantuan sehingga ke peringkat nasional atau antarabangsa, malah ia juga sesuatu kejadian yang tidak diduga dan sering tiba-tiba menyebabkan kerosakan, kemusnahan dan penderitaan manusia yang besar.

Bencana alam yang sering berlaku sejak akhir-akhir ini mewujudkan satu kebimbangan kepada penduduk dunia sehingga mereka mencari teknologi terkini untuk mengatasi masalah tersebut.

Ini telah membuktikan bahawa bencana alam yang berlaku bukan sahaja telah meragut nyawa penduduk di dunia ini, malah turut memusnahkan tempat tinggal, infrastruktur juga kawasan yang terlibat. Sumber EM-DAT memaklumkan, terdapat dua kategori bagi bencana iaitu bencana semula jadi dan bencana teknologi. Kedudukan geografi bagi sesebuah tempat atau negara mampu menyumbang kepada berlakunya bencana alam.

Bagi Amerika Syarikat lokasinya seperti mengalu-alukan kedatangan taufan yang terbentuk dari Atlantik.

Contohnya, kejadian taufan di Florida pada Oktober 2018, yang menyebabkan banjir serta kerosakan teruk di sepanjang pantai, namun ia juga turut memberi ancaman di selatan Alabama dan penduduk Georgia yang turut memberi amaran tentang badai tersebut. Selain itu, risiko yang pelbagai juga mendorong berlakunya bencana alam.

Amerika Syarikat menjadi kedudukan lima ke atas dalam kekerapan berlakunya bencana alam. Kerana, negara tersebut mengalami beberapa sub-kumpulan bencana alam iaitu seperti geofizik, hidrologi dan bencana meteorologi.


Bukan itu sahaja, Amerika Syarikat turut alami bencana biologi di mana telah berlakunya serangan haiwan yang menyebabkan kematian. Sebagai contoh kejadian di Taman Negara iaitu di Yellowstone, di mana telah diserang oleh beruang dan menyebabkan kematian seramai lapan orang sejak dari tahun 1872 hingga 2015.

Kejadian bencana alam semulajadi yang besar dan dahsyat boleh meningkatkan kadar kematian. Hal ini dapat dibuktikan oleh pernyataan Janet (2015), yang mengatakan tentang gempa bumi besar yang berlaku di pertengahan ke-19 sehingga 2011.

Kadar kematian di benua Amerika adalah paling tinggi pada 2010 adalah seramai 233,843 orang. - **Nadirah Yahya dan Dr Jaharudin Padli, Universiti Malaysia Terengganu (UMT)**

LAMPIRAN 19
SINAR HARIAN (GLOBAL): MUKA SURAT 47
TARIKH: 16 APRIL 2019 (SELASA)

Usaha pembersihan loji nuklear Fukushima bermula



Alat kawalan jauh digunakan untuk mengeluarkan bahan api nuklear di kolam penyimpanan unit No 3 di bangunan reaktor Loji Fukushima Daiichi.

TOKYO - Pengendali loji nuklear Fukushima Daiichi semalam memulakan kerja mengeluarkan bahan api atom daripada bangunan yang menempatkan salah satu reaktor yang terjejas teruk akibat bencana berganda pada 2011.

Paras radiasi yang tinggi menyebabkan juruteknik terpaksa menggunakan alat kawalan jauh untuk mengangkut bahan api dari 'kolam penyimpanan'.


Tokyo Electric Power Co (TEPCO) menganggarkan proses pemindahan 566 unit bahan api nuklear itu akan mengambil masa dua tahun.

"Kami perlu memindahkannya secara berhati-hati untuk mengelakkan bacaan radiasi meningkat," kata jurucakap TEPCO, Yuka Matsubara.

Jurutera pengendali loji nuklear itu bagaimanapun tidak akan cuba untuk mengekstrak bahan api nuklear cair yang masih terdapat dalam reaktor tersebut memandangkan ia adalah bahagian pembersihan besar-besaran paling sukar dan dijangka tidak akan bermula sehingga 2021.

Difahamkan, langkah seterusnya adalah untuk menghapuskan bahan api pada Mac 2020. - AFP

LAMPIRAN 20
KOSMO (DUNIA): MUKA SURAT 42
TARIKH: 16 APRIL 2019 (SELASA)



PAPARAN skrin menunjukkan unit bahan api nuklear dikeluarkan dari sebuah kolam di loji jana kuasa nuklear Fukushima Daiichi, di wilayah Fukushima, Jepun semalam.

Bahan api nuklear dialihkan dari loji jana kuasa Fukushima

TOKYO – Pengendali loji jana kuasa nuklear Fukushima mula mengeluarkan bahan api atom dari sebuah bangunan penyimpanan reaktor yang mencair pada tahun 2011.

Operasi berbahaya itu adalah yang pertama seumpamanya oleh Syarikat Tenaga Elektrik Tokyo (TEPCO) dan melibatkan kerja-kerja membawa keluar bahan api nuklear dari dalam bangunan yang sangat tercemar dengan radiasi.

Operasi tersebut sepatutnya dilakukan empat tahun lalu.

Disebabkan tahap radiasi yang tinggi, juruteknik-juruteknik terlibat terpaksa menggunakan alat kawalan jauh untuk mengangkut bahan api nuklear dari 'kolam simpanan' di dalam bangunan tersebut.

TEPCO menjangkakan bahawa pihaknya akan mengambil masa dua tahun untuk mengeluarkan kesemua 566 unit bahan api nuklear berkenaan, kebanyakannya sudah habis digunakan.

Bagaimanapun, jurutera-ju-

rutera TEPCO tidak akan cuba mengeluarkan bahan api nuklear cecair yang tersimpan jauh di dalam reaktor rosak tersebut sebelum tahun 2021, ekoran tugas itu dianggap paling sukar dalam operasi membersihkan lokasi berkenaan.

Bencana nuklear terbesar di dunia sejak insiden Chernobyl di Ukraine (pada 1986) itu melibatkan tiga reaktor jana kuasa Fukushima yang mencair susulan bencana gempa bumi dan tsunami yang melanda Jepun pada 2011. – AFP